

Kembalikan tujuan utama politik mengikut perspektif Islam

Oleh Prof Madya Kolonel Dr Burhanuddin Jaijal
bhrenca@bh.com.my



Profesor Madya di Jabatan Kependidikan dan Ketrindaduan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Suasana politik Malaysia semakin panas dan bergelora. Dari perspektif konvensional, politik dianggap seni mempertahankan kekuasaan dan ia juga merupakan pelbagai pendekatan, namun yang penting ialah kuasa dan pengaruh.

Teori dikemukakan Niccolo Machiavelli menyatakan politik bebas nilai dan matlamat menghalalkan cara dalam bukunya, *The Prince*, memberikan peranan besar kepada pengamal politik pada masa kini.

Dengan kata lain tujuan utama dalam pemerintahan menerusi pendekatan politik ialah survival dalam mempertahankan kekuasaan.

Oleh itu, nilai utama ditekankan Machiavelli adalah untuk melepaskan pemikiran politik daripada rangka agama dan mempermakar urusan politik kepada orang politik semata-mata.

Pandangan Machiavelli untuk memisahkan politik daripada agama adalah kesan daripada pengalaman masyarakat Eropah hampir 1,000 tahun hidup di bawah sistem teokrasi atau kekuasaan Tuhan yang menyatakan Tuhan menerusi gereja menguasai segala aspek kehidupan, termasuk politik.

Zaman itu disebut sebagai zaman kegelapan Eropah sebelum munculnya zaman Renaissance zaman pencerahan Eropah. Dalam tempoh zaman kegelapan itu, pelbagai penyimpangan dan salah guna kuasa dilakukan dalam sistem teokrasi ini hingga menimbulkan pelbagai tantangan dan pemberontakan untuk menentang dasar terabiti.

Revolusi Perancis yang berlaku pada 1789 mengangkat slogan *liberty, equality, fraternity* (kebebasan, kesaksamaan, persaudaraan), secara terbuka menyengkirkan sistem monarki dan penggunaan golongan agama dalam sistem politik.

Perlu disebutkan sebelum berlakunya Revolusi Perancis, golongan agamawan dari Perancis mendapat tempat dan layanan istimewa dalam masyarakat. Trauma terhadap dominasi kekuasaan golongan agamawan itu memunculkan fahaman sekularisme dalam politik, iaitu memisahkan agama daripada politik.

Ahli politik Malaysia perlu menghentikan penyelewengan, salah guna kuasa, khianat atau mementingkan kekuasaan atau kepentingan diri

Keadaan ini tidak berlaku dalam pendekatan Islam. Orang Islam selalu meilih politik sebagai daripada agama. Tujuan utama politik dalam Islam bertujuan untuk menyebarkan kebenaran dan menjaga agama melalui kekuasaan.

Disebabkan tujuannya mulia, cara dan pendekatan perlu dalam politik juga perlulah mulia dan betul cara serta pendekatannya. Secara umumnya dalam Islam matlamat tidak menghalalkan cara.

Pengalaman sejarah dan trauma Barat terhadap penguasaan sebahagian kelompok dalam sistem teokrasi menyebabkan berlakunya sistem sekular. Namun, Islam tidak pernah mengamalkan pendekatan itu.

Menurut Bernard Lewis dalam bukunya *What Went Wrong*, orang Islam akan menolak pendekatan digunakan orang Kristian di Barat dengan katanya, "Sejak daripada awal lagi orang Kristian diajar dan mengajukan untuk mengasingkan antara Tuhan dengan pemerintah serta tugas mereka berbezra dan ditanggung diri masing-masing sedangkan orang Islam tidak pernah mendapat arahan seperti itu dalam ajaran mereka."

OLEH ITU, sewajarnya dalam politik Malaysia pendekatan Machiavelli tidak diamal atau digunakan. Ibu pejabat dalam konteks Malaysia mengamalkan demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan.

Apatah lagi, Islam juga menjadi agama Persekutuan, selain kita memperakuan, 'Kepercayaan Kepercayaan Tuhan' dalam Rutinan Negara.

Secara umumnya berpolitik dalam Islam adalah satu bentuk ibadah kepada Allah SWT dan disebutkan Nabi Muhammad SAW melalui sabdanya yang mengingatkan bahawa antara tujuh golongan mendapat perlindungan di hari akhirat kelak ialah pemimpin adil.

Oleh itu, ahli politik Malaysia perlu menghentikan penyelewengan, salah guna kuasa, khianat atau mementingkan kekuasaan atau kepentingan diri atau sentiasa berpogang kepada pendekatan 'kekuasaan untuk kekuasaan'.

Ahli politik dalam usaha mendepani cabaran Ranangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan dalam kerangka semangat Keluarga Malaysia untuk memajukan negara perlu menanamkan bahawa politik sebahagian daripada ibadah boleh menjana pahala, bukan sekadar berebut kekuasaan.

Wajibkan vaksinasi bukan penindasan hak

Malaysia semakin menghampiri 80 peratus penduduk diberikan imunisasi COVID-19, tetapi kumpulan antivaksin kian lantang. Sebelum ini media sosial menjadi platform penyebaran agenda mereka, kini beralih ke saluran lain lebih berkusa, iaitu makamai.

Apabila langkah lebih tegas mewajibkan vaksinasi sebagai syarat pekerjaan, ada memerlukan perintutan Perlembagaan bahawa tindakan itu mencabul hak asasi, iaitu kebebasan memutuskan hal berkaitan peribadi. Lihat sahaja tindakan seorang tenaga memfaulkan samban terhadap Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atas alasan diskriminasi, selepas dipecat kerana ingkar arahan apabila enggan divaksin.

Hakikatnya, ramai tidak faham kebebasan untuk memilih tidak bermakna bebas daripada akibat susulan keputusan diambil.

Pakar perundangan, Prof Dr Haidar Dzyiauddin menegaskan golongan antivaksin perlu sedar mereka tinggal dalam masyarakat yang menuntut untuk mengambil kira tanggungjawab terhadap komuniti.

"Mereka ada hak untuk memilih. Jika memilih tidak divaksin, perlu faham mereka bukan hidup sendirian. Mereka tinggal bersama orang lain. Mereka perlu berkomunikasi dan berinteraksi. Jika memilih tidak divaksin atas alasan hak peribadi, mereka perlu ingat orang lain juga ada hak," katanya.

Pandangan itu dipersetujui pakar epidemiologi, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar yang mengingatkan

mereka dengan masalah kesihatan serius wajar dikecualikan daripada divaksin.

"Jika tidak ada alasan kukuh, tetapi semata-mata tidak malu menerima (vaksin), seja rasa anda perlu terima nasib diri dipulangkan dan dinafakai (kebebasan menerima pasport vaksin) yang kita nikmati sekarang - atau apa juga akibat lain," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata keputusan wajibkan vaksinasi dilaksanakan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Bagaimanapun, kata Haidar, ia mempunyai kelemahan seperti Bahagian IV, Seksyen 11(3) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit memperuntukkan pihak berkusa kesihatan mempunyai kuasa mengawal penularan penyakit merebusi imunisasi di kawasan tempatan dijangkiti.

Kataanya, lebih baik jika kerajaan meluluskan undang-undang khusus mewajibkan penerimaan vaksin tanpa mengandungi takrifan terhadap undang-undang sedia ada terlalu luas.

Bagaimanapun, beliau berpandangan mahkamah tidak mungkin memihak kepada golongan antivaksin kerana lazimnya mengutamakan kepentingan awam berbanding hak perseorangan.

"Hak ada pada kita tidak mutlak. Apabila kita berkata, saya boleh menggunakan hak saya sampai tahap, apabila saya gunakan hak saya itu ada orang

lain boleh gunakan hak mereka, maka pada ketika itu hak peribadi saya akan berakhir," katanya.

Dalam kata lain, seperti petikan *Your liberty to swing your fist ends at my nose* - diutarakan bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), Abraham Lincoln atau bekas Hakim Mahkamah Agung AS, Oliver Wendell Holmes - merumuskan kebebasan perseorangan tidak harus mengganggu hak orang lain.

Dr Zainal pula menyifatkan pelaksanaan undang-undang mewajibkan vaksin sama seperti pengurusan akaun berkaitan merokok di tempat awam dan pemakaian talii pinggang keledar.

Selepas berbulan-bulan menggalakkan masyarakat mendaftar untuk divaksin, kerajaan mewajibkan vaksinasi ke atas penjawat awam.

Setakat 30 September lalu, hampir 17,000 kakitangan awam didapati tidak mendaftar untuk divaksin. Kemungkinan besar maklumat salah disebarluaskan ke dalam undang-undang.

Pakar kesihatan awam bersepakat langkah mewajibkan vaksinasi akan berjaya berdasarkan data daripada AS. Syarikat besar seperti United Airlines dan Delta Airlines melaporkan kadar hampir 100 peratus selepas mewajibkan vaksinasi.

Di negara ini, kajian menunjukkan ahli masyarakat lebih suka mempunyai tenaga kerja lengkap dos vaksin dengan 75 peratus responden menyatakan berasas selamat berkongsi ruang kerja dengan rakan sekerja tidak divaksin.

BERNAMA